



Bank Pilihan Anda

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Skim Pembiayaan Mikro-i (MUsK/MEF). Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat pembiayaan dinyatakan secara terperinci di Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian. Sila rujuk pihak Bank Rakyat jika anda tidak memahami sebarang perkara berkaitan dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan.

BANK RAKYAT
PEMBIAYAAN MIKRO-i (MUsK/MEF)

Tarikh: _____

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

- Produk ini menawarkan kemudahan pembiayaan bagi membantu usahawan mikro mengembangkan perniagaan.
- Definisi usahawan mikro adalah seperti berikut :

Aktiviti Ekonomi	Jumlah Jualan Tahunan	Atau;	Bilangan Pekerja Sepenuh Masa
Perkilangan	Kurang daripada RM 300,000		Kurang daripada 5 orang
Perkhidmatan (Lain-Lain Sektor)			

- Tujuan Pembiayaan: Pembiayaan Kapital / Modal Pusingan bagi keperluan perniagaan sahaja.
- Jumlah Pembiayaan: Minimum RM1,000 sehingga Maksimum RM50,000.
- Tempoh Pembiayaan: Sehingga 5 tahun.
- Pemohon hendaklah berumur dari 18 tahun semasa pendaftaran pembiayaan dan sehingga 60 tahun semasa tempoh tamat pembiayaan.
- Pembiayaan bagi usahawan mikro sepenuh masa sahaja.
- Perniagaan pemohon telah beroperasi melebihi 2 tahun.
- Pembiayaan secara berkumpulan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 5 orang (atau sehingga 10) ahli. Ahli kumpulan tersebut hendaklah terdiri daripada ahli kepada Panel Koperasi / Persatuan Bank Rakyat.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Kemudahan pembiayaan ini adalah di bawah prinsip Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan Wa`d (janji) daripada pelanggan, pihak Bank akan membeli komoditi daripada pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berdasarkan harga jualan Murabahah (harga kos komoditi berserta keuntungan) secara tangguh. Pihak Bank kemudiannya, sebagai ejen pelanggan, akan menjual komoditi kepada pembeli pihak ketiga secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun pelanggan.
- Jenis komoditi yang digunapakai adalah komoditi yang dibenarkan oleh Syariah yang terdapat di Bursa Suq Al-Sila`.

3. Apakah yang saya akan peroleh melalui produk ini?

Jumlah Pembiayaan	RM
Kadar Keuntungan (Kadar Rata) Setahun	%
Jumlah Harga Jualan	RM

Margin Pembiayaan	%
Tempoh Pembiayaan	tahun

- Rebat Insentif sebanyak _____ daripada jumlah keuntungan jika ansuran dibayar mengikut masa yang ditetapkan.

Mukasurat 1 daripada 4

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Ansuran mingguan: RM _____
- Jumlah bayaran keseluruhan (termasuk keuntungan): RM _____
- Simpanan tabungan (digalakkan): RM _____ seminggu.
- Jumlah keseluruhan simpanan tabungan: RM _____ (bersamaan 10% daripada Jumlah Pembiayaan)
- Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran adalah dibenarkan dan akan dikira sebagai bayaran ansuran bulan hadapan. Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran ini tidak akan memberikan sebarang kesan terhadap pengiraan keuntungan akaun pembiayaan anda.
- Penjelasan awal pembiayaan adalah dibenarkan.
- Pelanggan hanya dibenarkan mempunyai satu pembiayaan mikro-*i* pada satu-satu masa.
- Bagi pelanggan sedia ada yang mempunyai pembiayaan mikro-*i* ingin memohon pembiayaan mikro-*i* yang baharu, pembiayaan sedia ada perlu dijelaskan sepenuhnya; **atau**, tempoh pembiayaan tersebut telah melebihi 6 bulan selepas tarikh pengeluaran dengan rekod bayaran yang baik.

Nota: Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan terma dan syarat.

5. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

Bil.	Jenis Caj	Amaun / Perincian Caj	
i.	Duti Setem	Surat Tawaran	Dikecualikan
		Facility Agreement	Dikecualikan
ii.	Fi Wakalah	Fi Wakalah / agensi adalah RM28.30 termasuk Fi Pembrokeran	

6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?

- Caj Ganti Rugi (*Ta'widh*) ekoran bayaran lewat adalah seperti berikut :

Ketika tempoh pembiayaan :	1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.
Selepas tamat tempoh pembiayaan :	Tidak melebihi kadar semalaman semasa Pasaran Wang antara Bank Islam ke atas baki tertunggak.

- Bank berhak menolak/mempelaras baki akaun pulangan (Akaun Simpanan-*i* / Pelaburan / Saham Keanggotaan) dengan Bank sebagai bayaran kepada jumlah tunggakan.
- Pihak Bank akan memaklumkan kepada pelanggan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari lebih awal sebelum pelarasan ke atas baki simpanan pelanggan dilakukan.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang dan segala kos akan ditanggung oleh pelanggan.

7. Bagaimana jika saya membuat penjelasan penuh sebelum tarikh matang?

- Pihak Bank perlu memberikan rebat (*lbra'*) ke atas keuntungan tertanggung / belum terakru.
- Jumlah penyelesaian awal adalah tertakluk kepada formula di bawah:

Jumlah Penjelasan Awal = Baki Harga Jualan – *lbra'* + Caj Lewat bayar (jika ada)

Di mana;

lbra' = Keuntungan tertanggung + Prinsipal yang belum dikeluarkan (jika ada) – Caj lain (jika ada)



Bank Pilihan Anda

8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?		
<ul style="list-style-type: none">• Pelanggan pembiayaan Mikro-i Bank Rakyat adalah dilindungi di bawah Pelan Perlindungan Takaful Berkelompok (GTT) dan Khairat Kematian secara percuma.		
9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?		
<ul style="list-style-type: none">• Pelanggan bertanggungjawab memastikan ansuran dibayar sepertimana yang dinyatakan dalam perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kerugian perniagaan atau sakit.		
10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?		
<ul style="list-style-type: none">• Penjamin atau cagaran tidak diperlukan tetapi anda perlu membentuk Kumpulan Bantu Diri ("KBD") yang terdiri daripada lima (5) hingga sepuluh (10) orang.		
11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?		
<ul style="list-style-type: none">• Pelanggan perlu menghubungi kami dengan segera jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya.• Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454 atau kunjungi mana-mana cawangan untuk mengemaskini maklumat peribadi.		
12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan apabila menghadapi masalah kewangan?		
<ul style="list-style-type: none">• Sekiranya anda mengalami kesulitan kewangan, anda perlu segera menghubungi pihak Bank untuk membincangkan berkenaan penyelesaian pembayaran alternatif di:• Anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: <table border="0"><tr><td>Unit Perkhidmatan Pelanggan Bank Rakyat Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No.33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur Tel: 1-300-80-5454 / 03-26129600</td><td>Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit 8th Floor, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur Tel: 03-26167766 E-mail: enquiry@akpk.org.my</td></tr></table>	Unit Perkhidmatan Pelanggan Bank Rakyat Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No.33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur Tel: 1-300-80-5454 / 03-26129600	Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit 8th Floor, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur Tel: 03-26167766 E-mail: enquiry@akpk.org.my
Unit Perkhidmatan Pelanggan Bank Rakyat Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No.33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur Tel: 1-300-80-5454 / 03-26129600	Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit 8th Floor, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur Tel: 03-26167766 E-mail: enquiry@akpk.org.my	
13. Maklumat Tambahan - Pakej Pembiayaan lain yang ditawarkan?		
<ul style="list-style-type: none">• Skim Pembiayaan Mikro-i: Mikro Individu (MIND)• Skim Pembiayaan Mikro-i: Mikro Tanpa Panel (MTP)		
14. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?		
<ul style="list-style-type: none">• Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari www.bankrakyat.com.my		
15. Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:		
<p>Pusat Panggilan di talian: 1-300-80-5454</p> <ul style="list-style-type: none">• 7:30 pagi hingga 9:30 malam Talian dibuka untuk semua pertanyaan.• 9:30 malam hingga 7:30 pagi Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad. <p>Atau; Talian Antarabangsa: +603 5526 9000</p> <p>Atau; Talian Faksimili: 03-2264 7301</p> <p>Atau; Emel ke: telerakyat@bankrakyat.com.my</p>		

Mukasurat 3 daripada 4



Bank Pilihan Anda

16. Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:

Pusat Panggilan di talian: 1-300-80-5454

Atau menghantar aduan anda ke;

**Unit Biro Aduan Awan,
Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral,
50470 Kuala Lumpur**

Atau; Emel ke: aduan@bankrakyat.com.my

Atau; Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-21741515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA TIDAK MELUNASKAN ANSURAN PEMBIAYAAN ANDA.

- Produk ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat pada 26 September 2012.
- Helaian Pendedahan Produk ini mesti dibaca, difahami, diterima dan ditandatangani oleh pelanggan.
- Maklumat yang dinyatakan di dalam helaian pendedahan ini sah pada atau sehingga _____.